

# Tioman dijadikan pulau bebas cukai — PM

UM 17 JAN 2002

Oleh ISMAIL DAUD  
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

SERDANG 16 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa Pulau Tioman akan dijadikan sebuah pulau bebas cukai.

“Ya, Pulau Tioman akan dijadikan pulau bebas cukai,” katanya kepada pemberita pada Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri, anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Laporan akhbar hari ini menyebut

berdasarkan sumber yang boleh dipercayai, Kabinet telah meluluskan cadangan penukaran status pulau itu pada minggu lalu bertujuan untuk menarik kehadiran pelancong terutama dari Singapura.

Selain itu, Pulau Tioman akan berperanan untuk memberi saingan kepada Pulau Batam dan Bintan yang sering dikunjungi oleh pelancong asing.

Keputusan itu juga bermakna Pulau Tioman menjadi pulau ketiga menikmati status tersebut selepas Labuan dan Langkawi.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, para penjaja dan peniaga masih perlu mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan walaupun kerajaan akan menyediakan lebih banyak gerai tetap untuk mereka.

Katanya, para peniaga juga tidak boleh mendirikan gerai mereka di sesuatu kawasan dengan sewenang-wenangnya.

“Semalam pun saya dah sebut apa juga kita nak buat, kita buat dengan tertib.

“Kerajaan sedia nak bantu. Kita

boleh bagi gerai kepada mereka dengan sewa yang rendah supaya mereka dapat berniaga dengan lebih sempurna.

“Tapi kalau ada yang pecah undang-undang kita kena ambil tindakan,” katanya.

Dr. Mahathir ketika berucap pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Persatuan Penjaja Wilayah Persekutuan malam tadi berkata, kerajaan akan membina gerai-gerai tetap untuk penjaja dan peniaga kecil di semua bandar seluruh negara bagi menghantu menaikkan taraf sosioekonomi golongan tersebut.